



KPMSP.600-7/1/5 Jld 4 (**67**)
5 Okt 2016

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

Pengetua
Sekolah Sukan Bukit Jalil
Sekolah Sukan Malaysia Pahang

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

KLINIK DAN SESI PEMILIHAN ATLET BOLA KERANJANG SEMPENA HARI SUKAN NEGARA 2016

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menerima jemputan daripada Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA) untuk menyertai **Klinik dan Sesi Pemilihan Atlet Bola Keranjang Sempena Hari Sukan Negara 2016** seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 08 Oktober 2016 (Sabtu)
Masa : 12.00 tengah hari – 4.30 petang
Tempat : Stadium Bola Keranjang, MABA, Kuala Lumpur
Penyertaan : PERCUMA
Pakaian : Pakaian Sukan Sekolah yang lengkap

3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Tuan/Puan, Klinik Bola Keranjang tersebut adalah terbuka kepada semua murid sekolah rendah dan menengah. Semasa klinik ini, seramai 15 murid lelaki dan 15 murid perempuan Bawah 15 Tahun akan dipilih untuk kem pemilihan selanjutnya. Seterusnya 3 (TIGA) murid lelaki dan 3 (TIGA) murid perempuan berpeluang untuk mewakili Malaysia ke Amerika Syarikat untuk latihan selama sebulan.

4. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini memohon jasa baik YBhg. Dato'/Tuan/Puan supaya menggalakkan atlet murid yang berpotensi di bawah seliaan YBhg. Dato'/Tuan/Puan agar tidak melepaskan peluang keemasan ini. Bersama-sama ini disertakan Aturcara Program tersebut untuk rujukan YBhg. Dato'/Tuan/Puan selanjutnya.

.../2

5. Untuk makluman YBhg. Dato'/Tuan/Puan juga, segala perbelanjaan untuk menghadiri klinik ini mohon ditanggung oleh Jabatan/sekolah masing-masing. Sebarang pertanyaan sila hubungi Cik Lim Tou Jing di talian 03-88841346/013-2285432, emel lim.toujing@moe.gov.my atau Urus Setia MABA, Cik Erin Chin di talian 03-20780055, emel erinichin@maba.com.my.

Kerjasama dan sokongan YBhg. Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“SEHATI SEJIWA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DR. MEHANDER SINGH A/L NAHAR SINGH)

Pengarah
Bahagian Sukan
Kementerian Pendidikan Malaysia

LTJ/tj

s.k. : 1) Ketua Unit Sukan, JPN
2) Setiausaha Agong, Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA)

**ATURCARA PROGRAM
KARNIVAL BOLA KERANJANG SEMPERNA HARI SUKAN NEGARA 2016**

Tarikh : 08 Oktober 2016 (Sabtu)
Masa : 12.00 tengah hari – 4.30 petang
Tempat : Stadium Bola Keranjang, MABA, Kuala Lumpur

Masa	Aktiviti
12.00 t/hari	Klinik Bola Keranjang (Pemilihan 15 atlet murid lelaki & 15 atlet murid perempuan)
2.30 ptg	Persembahan Penyanyi Tempatan
3.00 ptg	Upacara Perasmian Pembukaan Karnival Bola Keranjang sempena Hari Sukan Negara 2016 oleh YB. Encik Khairy Jamaluddin Menteri Belia dan Sukan Malaysia
3.30 ptg	Perlawanan Persahabatan antara Pasukan <i>Celebrity</i> dan Pasukan 906 Melaka (YB Menteri Belia dan Sukan turut menyertai perlawanan)
4.00 ptg	Pengumuman 15 atlet murid lelaki & 15 atlet murid perempuan yang terpilih
5.00 – 10.30 mlm	Perlawanan Jemputan Antarabangsa : Seri Mutiara Cup